

16/06/1997

Tangani ambil tanah secara cermat

Mohd Shah Abdullah; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Ahad - Pimpinan Umno dan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) Kelantan menyokong penuh cadangan pembinaan projek pembangunan industri petrokimia di Pantai Senok, Bachok, tetapi mahu isu pengambilan tanah rakyat bagi menjayakan pelaksanaannya ditangani dengan cermat.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, pihaknya bimbang jika isu pengambilan tanah itu tidak ditangani secara bijaksana, ia boleh menimbulkan banyak masalah kepada rakyat.

Menurutnya, Badan Perhubungan Umno sendiri akan menghalusi secara terperinci cadangan pembinaan projek itu yang membabitkan kerjasama antara anak syarikat kerajaan negeri, Keloil Sdn Bhd dan KUB Holdings Sdn Bhd (KUB Holdings).

"Jika Umno menjangka ada kesan politik yang boleh menyentuh kepentingan orang ramai atau kepentingan Umno, ia akan dibincang dalam mesyuarat Badan Perhubungan atau berhubung terus dengan KUB Holdings.

"Umno menyokong projek ini. Kita bersetuju melihat kepentingan rakyat secara umum dan projek ini boleh mengubah masa depan negeri Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai pelaksanaan projek itu, yang disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif KUB Holdings, Datuk Hassan Harun, di sini.

Semua wakil rakyat BN dan pemimpin Umno di pelbagai peringkat menghadiri taklimat itu, antara lain bertujuan menjelaskan rasional dan kepentingan projek berkenaan, yang dianggap dapat bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Kelantan di masa depan.

Projek secara usahasama antara KUB Holdings Bhd dan Keloil Sdn Bhd itu ditandatangani 4 April lalu dalam satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU), yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Difahamkan projek itu terpaksa mengambil alih tanah penduduk di kawasan berhampiran membabitkan keluasan 2,000 hektar.

Annuar berkata, parti itu tidak mahu melepaskan peluang terbaik menjayakan projek pembangunan di negeri ini, semata-mata kerana wujud perbezaan politik antara Umno dan Pas.

"Cuma kita hendak memastikan segala faktor diambil kira supaya rakyat tidak menerima kesan buruk semata-mata kerana keghairahan melaksanakan projek," katanya.

Menurutnya, projek itu harus dilaksanakan secara teratur supaya rakyat mendapat manfaat jangka panjang.

(END)